

# Semakan Akta Pelajaran bagi hapus keraguan

10 MAR 1986

IPOH, Sabtu — Kerajaan akan menyemak semula Akta Pelajaran yang membabitkan sekolah jenis kebangsaan bagi menghilangkan segala keraguan yang timbul di kalangan orang-orang Cina dan India selama ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Kajian semula ini adalah sejajar dengan bentuk masyarakat di negara ini.

Dalam Akta Pelajaran 21 (2) 1967 ada menyebut

Menteri (Pelajaran) pada bila-bila masa yang sesuai boleh mengarahkan sekolah-sekolah jenis kebangsaan dijadikan sekolah kebangsaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan sedar perasaan curiga dan ragu di kalangan masyarakat Cina dan India, tetapi mengikut rekod, kerajaan belum pernah melakukan sesuatu yang tidak diinginkan oleh rakyat.

"Malah setakat ini kerajaan tidak pernah memaksa mana-mana sekolah jenis kebangsaan

dijadikan sekolah kebangsaan, kecuali sebuah sekolah Tamil di Kelantan atas permintaan ibu bapa pelajar-pelajar terbabit sendiri," tegasnya.

Perdana Menteri juga memberi jaminan, bahawa kerajaan tidak akan menukarkan sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan pada masa depan.

Bercakap di perasmian Pameran Komputer Sekolah Menengah Shin Jai di sini hari ini, beliau menegaskan kerajaan tidak pernah menggunakan peruntukan berkenaan walaupun ia ada di dalam Akta Pelajaran.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Datuk Seri Ramli Ngah Talib dan Exco-exco Kerajaan Negeri.

"Ini membuktikan kerajaan tidak berniat langsung untuk menghapuskan bahasa ibunda pelbagai kaum di negara ini, malah tetap memberi keutamaan," katanya.

Perdana Menteri kemudian meluluskan peruntukan \$100,000 kepada Sekolah Menengah Shin Jai untuk membeli peralatan komputer dan kegunaan lain.